

Analisa mendalam perlu dibuat — PM

KEMISKINAN: KENALPASTI PUNCANYA

13 SEP 1987

KUALA LUMPUR
12 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa usaha untuk membasmi kemiskinan tidak mungkin akan berjaya jika sebab-sebab sebenar berlaku kemiskinan tidak dikenalpasti dan dihapuskan terlebih dahulu.

Perdana Menteri memberitahu walaupun langkah-langkah kerajaan telah berjaya mengurangkan tahap kemiskinan kepada 18 peratus pada tahun 1984 berbanding dengan 49.3 peratus pada tahun 1970 tetapi berbanding dengan usaha dan peruntukan

yang telah dibuat hasilnya tidaklah seperti yang diharapkan.

Katanya satu analisa mendalam perlu dibuat untuk menentukan sebab-sebab kemiskinan masih wujud di negara ini kerana tanpa kefahaman ini syor-syor yang berkesan tidak dapat dibuat dalam usaha untuk membasmi kemiskinan.

Beliau mengingatkan demikian dalam ucapannya merasmikan konvensyen kemiskinan anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, pagi ini.

Perdana Menteri berkata, jika dibandingkan dengan peruntukan dan tindakan kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar dan dalam bandar dengan negara-negara kurang maju lain jelas terbukti peruntukan dan tindakan Kerajaan Malaysia amatlah tinggi dan tegas.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir sebenarnya jikalau negara yang miskin membelanjakan wang dan tenaga sebanyak yang dibelanjakan oleh Ma-

laysia kebanyakan dari kemiskinan dapat dihapuskan tetapi di Malaysia walaupun ada kejayaan tetapi masih ramai kekal dengan kemiskinan mereka.

“Apakah sebabnya yang tindakan dan usaha kerajaan tidak begitu berhasil. Apakah kita hanya memerlukan tambahan peruntukan dalam usaha untuk mencapai cita-cita kita. Atau apakah ada sesuatu tersalah dalam strategi kita?” beliau bertanya.

Katanya, untuk menjawab soalan-soalan ini satu analisa harus dibuat ke atas sebab-sebab kenapa ada kemiskinan dan kekayaan, kenapa ada masyarakat yang miskin dan masyarakat yang kaya, kenapa ada negara miskin dan negara yang kaya.

“Kita tahu ada negara yang kaya dengan sumber-sumber asli tetapi miskin dan ada negara yang tidak ada sumber-sumber asli tetapi kaya tanpa mengetahui sebab-sebab kemiskinan berlaku segala usaha untuk membasmi kemiskinan mutlak akan gagal,” tambahnya.

LIHAT MUKA 11

Analisa perlu dibuat untuk kenalpasti kemiskinan — Mahathir

Datuk Sri Dr. Mahathir juga tidak bersetuju dengan pandangan bahawa pemberian bantuan sah mencukupi untuk mengatasi masalah kemiskinan.

"Jika ini kita tidak mungkin berjaya membasmi kemiskinan yang sepatutnya diusahakan ialah kita ha-

puskan sebab-sebab sebenar kemiskinan berlaku," katanya.

Perdana Menteri berkata, memberi wang dan bekalan secara langsung bukanlah cara untuk menghapus kemiskinan kerana tindakan ini adalah untuk

pemulihan sementara sahaja dan kemiskinan akan berulang.

Untuk menguatkan pandangannya itu beliau memetik cerita mengenai seorang peminta sedekah yang tidak diberi makan untuk menghilangkan kelaparan-

nya tetapi sebaliknya diberi kail untuk mengail ikan.

"Mungkin ada di antara kita yang memikirkan perbuatan ini tidak berperikemanusiaan tetapi kita tahu bahawa kail itu boleh menolong menghilangkan kelaparan si miskin lebih lama

lagi daripada memberi sedikit makan untuk hari itu sahaja," katanya.

Beliau menambah satu contoh terbaik mengenai cara membasmi kemiskinan ialah pemberian biasiswa di mana darinya ramai anak-anak dari keluarga miskin sudah berpindah dari bawah garis kemiskinan ke atas garis kemiskinan.

Menurutnya, jika wang sebanyak nilai biasiswa diberi terus kepada keluarga miskin itu mereka akan keluar dari lingkungan kemiskinan bagi tempoh satu atau dua tahun sahaja kemudian kembali miskin.

Sebaliknya beliau berkata, dengan biasiswa penerima yang mendapat pelajaran akan dapat meningkat-

kan pendapatannya secara berkekalan.

Perdana Menteri memberitahu berasaskan kepada pemberian kail dan bukan makanan segera ialah kerajaan telah cuba memperkenalkan cara pertanian moden, membuka perladangan berkelompok, mendirikan industri kecil, menyusun semula kampung serta cara-cara untuk menambah pendapatan.

Beliau menganggap salah satu daripada masalah yang menghalang kejayaan sepenuhnya usaha membasmi kemiskinan ialah penerima bantuan tidak mahu dan tidak dapat menggunakan bantuan dengan berkesan.

"Menambah lagi bantuan sedangkan sebabnya bu-

kanlah kerana bantuan tidak akan mendatangkan hasil yang bertambah," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan masyarakat yang hanya berharap kepada pertolongan daripada pihak lain tetap mundur walaupun buminya penuh dengan emas, perak dan subur.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun kemiskinan memang wujud di Malaysia tetapi ia adalah kemiskinan yang relatif dan tidaklah seperti gambaran kemiskinan yang digemari dan disebar luas oleh media Barat.

"Apabila mereka bertanya tentang kemiskinan di Malaysia maka terbayang pada pandangan mereka orang yang tersadai di bawah jambatan atau di tepi jalan, kotor dan tidak berpakaian sempurna, meminta - minta sambil mendukung anak yang buncit perutnya.

"Sebenarnya kemiskinan di Malaysia tidaklah di tahap itu, tidak ada siapa yang merana kerana keburluan di Malaysia," katanya.

Beliau gembira kerana wujudnya semangat kejiwaan yang kuat di kalangan masyarakat negara ini

yang tidak sanggup melihat seseorang jirannya menderita tanpa diberi bantuan.